A **IBRAHIM MOHAMAD & SATU LAGI**

lwn.

PP

B MAHKAMAH RAYUAN, PUTRAJAYA
TENGKU BAHARUDIN SHAH HMR
WAN ADNAN MUHAMAD HMR
AZHAR MA'AH HMR
[RAYUAN JENAYAH NO: D-O5-75-04 & D-05-76-04]
C 12 MAC 2010

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Akta Dadah Berbahaya 1952 - Pengedaran - Kes prima facie - Sama ada dibuktikan - Pembelaan perayu-perayu - Sama ada gagal mematahkan anggapan di bawah*
D *s. 37(da)(vi) Akta Dadah Berbahaya 1952 - Sama ada gagal menimbulkan keraguan terhadap kes pendakwaan - Sama ada dibuktikan bahawa dadah berada dalam milikan bersama perayu-perayu - Sama ada mencetuskan anggapan pengetahuan di bawah s. 37(d) Akta Dadah Berbahaya 1952*

E ***KETERANGAN:*** *Saksi - Kegagalan memanggil saksi - Akta Keterangan 1950, s. 114(g) - Sama ada terpakai*

Perayu-perayu telah disabitkan oleh Mahkamah Tinggi atas kesalahan bersama-sama mengedar dadah berbahaya iaitu 38,499.68
F gram cannabis (dadah itu). Faktanya adalah sebuah kereta CAC 9439 yang dipandu oleh perayu kedua (Azhar) dari arah Jeli menghala ke arah Grik dengan perayu pertama (Ibrahim) duduk di sebelahnya sebagai penumpang telah ditahan oleh SP4. SP4 memeriksa kereta tersebut dan mendapati bungkusan-bungkusan
G lutsinar tersembunyi di belakang penyandar tempat duduk penumpang belakang. Ketika itu, kedua-dua Azhar dan Ibrahim telah cuba melarikan diri tetapi akhirnya ditangkap. Hakim bicara mendapati kes *prima facie* telah berjaya dibuktikan atas pertuduhan dan memanggil kedua-dua perayu untuk membela diri mereka.
H Beliau membuat penemuan bahawa dadah itu berada di bawah jagaan dan kawalan fizikal kedua-dua perayu dan mereka juga mempunyai pengetahuan tentang kewujudannya di dalam kereta itu semasa mereka ditangkap. Dengan itu, pihak pendakwaan berjaya membuktikan milikan sebenar oleh Ibrahim dan Azhar ke atas
I dadah itu dan memandangkan jumlah berat bersih dadah itu melebihi berat yang ditetapkan di bawah s. 37(da)(vi) ADB, mereka

telah dianggap mengedar dadah berbahaya tersebut. Isu-isu yang dibangkitkan oleh perayu-perayu adalah (i) hakim bicara telah silap membuat penemuan bahawa dadah itu berada dalam milikan Ibrahim hanya berasaskan fakta bahawa dia adalah penumpang di dalam kereta itu dan enam bulan sebelum itu dia pernah disaman kerana memandu kereta yang sama tanpa lesen memandu. Hujahan tersebut tidak cukup untuk menginfer kereta itu berada dalam jagaan atau kawalan Ibrahim; (ii) penjelasan Zainuddin sebagai tuanpunya kereta itu perlu bagi membuktikan kes pendakwaan tetapi dia tidak dipanggil sebagai saksi; (iii) elemen mental perlu wujud bersama jagaan atau kawalan bagi membuktikan pemilikan; (iv) perbuatan melarikan diri tidak boleh ditafsirkan bersendirian tetapi perlu diambil kira suasana bila ia berlaku.

Diputuskan (menolak rayuan perayu-perayu; mengekalkan sabitan serta hukuman)
Oleh Tengku Baharudin Shah HMR menyampaikan penghakiman mahkamah:

(1) Hakim bicara telah membuat penemuan menolak pembelaan perayu-perayu bahawa dadah itu tidak berada dalam milik mereka dan mereka tidak tahu tentang kewujudannya di situ memandangkan kereta CAC 9439 itu hanya ditinggalkan dengan mereka oleh satu Zainuddin pada pagi itu untuk dibawa ke Grik. Cara dadah itu disorok di dalam kereta dan tindakan perayu-perayu lari serentak ke arah bertentangan apabila dadah itu dikesan oleh SP4 menunjukkan mereka mengetahui tentang kesalahan mereka. Hakim bicara juga mendapati pembelaan perayu-perayu pada keseluruhan gagal, atas imbangan kebarangkalian, mematahkan anggapan di bawah s. 37(da)(vi) ADB yang mereka mengedar dadah itu dan juga gagal menimbulkan apa-apa keraguan terhadap kes pendakwaan. Hakim bicara tidak melakukan apa-apa salah arah atau salah nilai fakta. Peranan Zainuddin pada hari berkenaan hanya ditimbulkan buat pertama kali semasa pembelaan. Penolakan pembelaan telah dibuat atas asas yang teguh dan tidak wajar digugat. (perenggan 30 & 31)

(2) Kes pendakwaan adalah berasaskan kawalan dan jagaan bersama Azhar dan Ibrahim ke atas dadah itu dan tidak dicabar yang hanya mereka ada di dalam kereta itu semasa ditahan oleh SP4. Sama ada kereta atau dadah yang dijumpai di dalamnya adalah kepunyaan Zainuddin tidak menjadi isu. Yang menjadi isu ialah

A sama ada perayu-perayu mempunyai pengetahuan mengenai dadah itu sebelum dan semasa mereka ditahan. Oleh itu Zainuddin bukan saksi penting dan tidak diperlukan bagi pembuktian kes pendakwa. Seksyen 114(g) Akta Keterangan 1950 tidak berkaitan. Penglibatan Zainuddin dalam kes ini
B hanya dibangkitkan oleh perayu-perayu dalam pembelaan mereka. Atas asas itu, hakim bicara tidak silap menganggap kemunculannya sebagai 'afterthought'. (perenggan 33)

(3) Penemuan afirmatif telah dibuat oleh hakim bicara bahawa
C dadah itu berada dalam milikan bersama perayu-perayu pada masa, tarikh dan tempat yang dinyatakan oleh pendakwa dan dengan berat dadah itu melebihi had yang ditetapkan oleh s. 37(da)(vi) ADB anggapan mengedar telah dicetuskan yang mana gagal dipatah oleh pembelaan perayu-perayu yang telah
D ditolak atas imbangan kebarangkalian dan juga didapati tidak menimbulkan keraguan munasabah ke atas kes pendakwaan terhadap mereka. (perenggan 34)

(4) Akhirnya, seperti hujah alternatif pihak pendakwaan, dengan
E penemuan kawalan dan jagaan bersama perayu-perayu ke atas dadah dalam kereta yang dinaiki yang didapati membawa inferens dadah itu berada dalam milikan mereka dan juga boleh mencetuskan anggapan pengetahuan mengenainya di bawah s. 37(d) ADB serta pengakuan perayu-perayu sendiri yang
F mereka sedang membawa kereta itu (dengan dadah itu di dalamnya) dari Bukit Bunga di Kelantan ke Grik di Perak pertuduhan telah dibukti terhadap mereka dengan penolakan pembelaan yang dikemukakan. (perenggan 35)

English *Translation Of Headnotes*

G

The appellants were convicted by the High Court for the offence of trafficking dangerous drugs which were 38,499.68 grams of cannabis (the said drugs). The facts were that a car with the plate number CAC 9439 driven by the second appellant (Azhar) from Jeli towards
H Grik with the first appellant (Ibrahim) sitting beside him as a passenger was detained by SP4. The car was examined by SP4 and transparent packages were found hidden behind the backrest of the rear passenger seat. At that moment, both Azhar and Ibrahim tried to make a run for it but was subsequently arrested. The trial judge
I held that a *prima facie* case was successfully established and called for both the appellants to enter defence. The trial judge found that

the drugs had been under physical custody and control of the two appellants and that they also possessed knowledge of the existence of the drugs in the car when they were arrested. The prosecution successfully proved actual possession of the drugs by Ibrahim and Azhar and since the weight of the drugs weighed more than the amount set out under s. 37(da)(vi) DDA, they were presumed to be trafficking in the dangerous drugs. The issues raised by the appellants were (i) the trial judge had erred when it made the finding that the drugs were in Ibrahim's possession based merely on the fact that he was a passenger in the car and that six months before he had been fined for driving the car without a valid driving license. The said submission was not sufficient to make the inference that the car was under the custody and control of Ibrahim; (ii) Zainuddin's explanation as the owner of the car was required to prove the prosecution's case but he was not called as a witness; (iii) mental element should exist together with custody and control to prove possession; (iv) the act of running away could not be interpreted on its own without taking into consideration the surroundings and circumstances when it took place.

Held (dismissing the appellants' appeal; affirming conviction and sentence)

Per Tengku Baharudin Shah JCA delivering the judgment of the court:

(1) The trial judge had made the decision to dismiss the appellants' defence that the drugs had not been in their possession and that they had no knowledge of the existence of the said drugs since the car CAC 9439 had been left to them by Zainuddin that morning to be brought to Grik. The way the drugs were hidden in the car and the appellants' actions by trying to run in opposite directions when the drugs were discovered by SP4 showed that they had full knowledge of the offence they had committed. The trial judge also found that the defence of the appellants on the whole had failed, on a balance of probabilities, in rebutting the presumption under s. 37(da)(vi) DDA that they were trafficking the drugs and also failed to raise any doubts on the prosecution's case. The trial judge had not committed any misdirection or error in assessing the facts. Zainuddin's role on the said day was only raised for the first time during the defence. The trial judge's rejection of the defence was made on solid grounds that could not be easily challenged.

(2) The prosecution's case was based on the custody and control of the drugs by Azhar and Ibrahim and it had not been challenged that they were the only ones in the car when it was detained by SP4. Whether the car or the drugs found were owned by Zainuddin was not an issue. What was an issue was whether the appellants had the knowledge regarding the drugs before and after they were arrested. Therefore, Zainuddin was not an important witness and was not needed to prove the prosecution's case. Section 114(g) of the Evidence Act 1950 was not applicable. Zainuddin's involvement in the case was only raised by the appellants in their defence. On that ground, the trial judge was not wrong when it made the finding that his appearance was an 'afterthought'.

(3) The affirmative finding made by the trial judge that the drugs were in the possession of the appellants at the time, date and place as stated by the prosecution and with the weight of the drugs weighing more than what was set by s. 37(da)(vi) DDA the presumption of trafficking was triggered where it could not be demolished by the appellants' defence that was rejected on the balance of probabilities and that it also failed to raise reasonable doubts on the case of the prosecution against them.

(4) In conclusion, along the lines of the alternative submission by the prosecution, with the findings of custody and control of the appellants on the drugs in the car that they had driven has brought the inference that the drugs had been in their possession and triggered the presumption of knowledge under s. 37(d) DDA along with the appellants' confession that they had driven the car (with the drugs inside) from Bukit Bunga in Kelantan to Grik in Perak the charge was proven against them with the dismissal of the defence adduced.

Kes-kes yang dirujuk:

Abdullah Zawawi v. PP [1993] 3 MLJ 1 ***(dibezakan)***

Ganapthy Rengasamy v. PP [1998] 2 CLJ 1 FC ***(dirujuk)***

Mohamad Radhi Yaakob v. PP [1991] 3 CLJ 2073; [1991] 1 CLJ (Rep) 311 SC ***(dirujuk)***

Ong Ah Chuan v. PP & Another Appeal [1980] 1 LNS 181 PC ***(dirujuk)***

PP v. Abdul Rahman Akif [2007] 4 CLJ 337 FC ***(dirujuk)***

PP v. Lin Lian Chen [1992] 4 CLJ 2086; [1992] 1 CLJ (Rep) 285 SC ***(dibezakan)***

PP v. Majiddi Abdul Majid [2002] 1 LNS 336 HC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk: A
Criminal Procedure Code, s. 34
Dangerous Drugs Act 1952, ss. 2, 37(d), (da)(vi)
Evidence Act 1950, ss. 32(i), 114(g)

Bagi pihak perayu pertama - Amer Hamzah Arshad; T/n Zain & Co
Bagi pihak perayu kedua - Athimulan; T/n Athimulan & Co B
Bagi pihak pendakwaan - Awang Armadajaya TPR, Jabatan Peguam Negara

[Rayuan dari Mahkamah Tinggi, Kota Bharu; Perbicaraan Jenayah No: 45-8-2008]

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin C

PENGHAKIMAN

Tengku Baharudin Shah HMR: D

[1] Perayu-perayu telah disabitkan oleh Mahkamah Tinggi Kota Bharu atas kesalahan bersama-sama mengedar dadah berbahaya iaitu 38,499.68 gram cannabis (dadah itu) pada 8 November 1999 lebih kurang 10.40 pagi di sekatan jalan raya di km 100 Lebuhraya Kota E Bharu/Grik, dalam Jajahan Jeli, Kelantan. Rayuan-rayuan mereka di mahkamah ini telah didengar dan ditolak dan sabitan serta hukuman yang dijatuhkan telah dikekalkan. Alasan-alasan bagi keputusan itu adalah seperti berikut:

Kes Pendakwaan F

[2] Kereta CAC 9439 yang dipandu oleh perayu kedua (Azhar) dari arah Jeli menghala ke arah Grik dengan perayu pertama (Ibrahim) duduk disebelahnya sebagai penumpang telah ditahan oleh L/Kpl Mohd Zahar (SP4), di sekatan jalan raya tersebut (SJR) pada G tarikh dan masa yang dinyatakan dalam pertuduhan. Azhar tidak mempunyai lesen memandu. SP4 telah memeriksa di dalam boot kereta yang dibuka oleh Azhar tetapi tiada apa-apa yang menyalahi dijumpai. Begitu juga di tempat pemandu dan bahagian penumpang hadapan. H

[3] SP4 kemudian masuk ke bahagian penumpang belakang kereta itu dan mendapati penyandar tempat duduk penumpang belakang renggang dan dia menariknya. Dia nampak bungkusan-bungkusan lutsinar tersembunyi di situ. Ketika itu dia terdengar suara menjerit I

A "Lari!" dan nampak Azhar lari ke arah Grik sementara Ibrahim ke arah Jeli. Ibrahim berjaya ditangkap oleh L/Kpl Mohamad dan digari. Azhar telah dikejar oleh Md Norizan (SP6), L/Kpl Aziz dan Konst. Afzainizam melalui jambatan, terus ke dalam kebun buah-buahan di mana dia juga ditangkap.

B

[4] Ibrahim dan Azhar serta kereta CAC 9439 dibawa balik ke pejabat Unit Pencegah Penyeludupan di Bukit Bunga di mana bungkusan-bungkusan dari dalam kereta CAC 9439 telah dikeluarkan oleh SP4 dan ditanda sebagai E1 hingga E40,
C ditandatangan serta ditulis tarikh pada setiap bungkusan itu sebelum diserahkan kepada pegawai penyiasat (SP5) bersama dengan Ibrahim, Azhar serta kereta CAC 9439 pada petang itu. SP5 menanda semula pada bungkusan E1-E40 itu dengan tandaan H1 hingga H40 masing-masing dan menyimpannya di pejabatnya di IPD Jeli.
D Bungkusan-bungkusan itu kemudiannya dimasukkan ke dalam dua kotak bertanda "H" dan "HH" dan diserah kepada ahli kimia SP1 di Pejabat Kimia, Kuala Terengganu pada 10 November 1999.

[5] SP1 mendapati tanda-tanda pada E1 hingga E40 dan H1
E hingga H40 pada 40 bungkusan yang diterimanya daripada SP5. Dia telah menimbang setiap bungkusan itu berasingan dan mendapati berat bersih kesemua bahan tumbuhan yang terkandung di dalam 40 bungkusan itu berjumlah 38,499.68 gram. Daripada ujian visual dan mikroskopik ke atas 100% bahan tumbuhan itu serta ujian-ujian
F DLT dan TLC ke atas sampel-sampel yang diambil daripada setiap bungkusan SP1 membuat kesimpulan bahawa bahan tumbuhan di dalam E1-E40 adalah cannabis seperti yang ditakrifkan oleh s. 2 Akta Dadah Berbahaya 1952 (ADB).

[6] SP3 semasa bertugas di Kulim, Kedah pada 14 Mei 1999
G telah menahan kereta CAC 9439 di sekatan jalan raya di Jalan Titi Karangan pada jam lebih kurang 1.35 pagi. Dia telah mengeluarkan Saman Polis 257 (P56) kepada pemandunya atas kesalahan memandu tanpa lessen memandu dah tanpa insuran pelindungan. P56 didapati ada dalam milik Ibrahim semasa dia diperiksa oleh SP5
H dan nama, nombor kad pengenalan serta alamat pemandu yang menandatangani saman itu didapati sama dengan nama, nombor kad pengenalan serta alamat Ibrahim.

I

[7] SP5 yang telah membuat siasatan ke atas pemilik berdaftar terakhir kereta CAC 9439 mendapati namanya ialah Mohd Zainuddin bin Tolan yang beralamat di Kelang, Selangor. SP5 telah merakam pernyataannya tetapi usahanya untuk mengesan penama tersebut untuk perbicaraan kemudiannya gagal walaupun dengan bantuan polis Kelang.

Kes *Prima Facie*

[8] YA Hakim bicara telah membuat penilaian maksima ke atas keterangan yang dikemukakan berpandukan nas-nas undang-undang yang terkini. Beliau mendapati kes *prima facie* telah berjaya dibuktikan atas pertuduhan dan memanggil Ibrahim dan Azhar untuk membela diri mereka. Beliau membuat penemuan bahawa dadah itu berada di bawah jagaan dan kawalan fizikal kedua-dua perayu dan mereka juga mempunyai pengetahuan tentang kewujudannya di dalam kereta itu semasa mereka ditangkap. Dengan itu pihak pendakwa didapati berjaya membuktikan milikan sebenar oleh Ibrahim dan Azhar ke atas dadah itu sebagaimana yang difahami di bawah undang-undang. Dan memandangkan jumlah berat bersih dadah itu melebihi berat yang ditetapkan di bawah s. 37(da)(vi) ADB, mereka telah dianggap mengedar dadah berbahaya tersebut.

Isu Yang Dibangkit

[9] Bagi pihak Ibrahim peguam belanya En. Amer Hamzah telah menghujahkan bahawa YA Hakim telah silap membuat penemuan bahawa dadah itu berada dalam milik Ibrahim hanya berasaskan fakta bahawa dia adalah penumpang di dalam kereta itu dan enam bulan sebelum itu dia pernah disaman kerana memandu kereta yang sama tanpa lesen memandu. Hujahnya fakta tersebut tidak cukup untuk menginfer kereta itu berada dalam jagaan atau kawalan Ibrahim. Katanya penjelasan Zainuddin sebagai tuanpunya kereta itu perlu bagi membuktikan kes pendakwaan tetapi dia tidak dipanggil sebagai saksi atau pernyataannya kepada polis dikemukakan dibawah s. 32(i) Akta Keterangan 1950. Hakim bicara juga dikatakan silap membuat inferens bahawa Ibrahim dan Azhar berada dalam kereta itu datang dari Kota Bharu dan pergi menghala ke Grik sedangkan tiada keterangan yang menyokongnya. Kesilapan itu dihujahkan membawa padah. Lebih teruk lagi hujahnya walaupun laporan cap jari telah diperolehi ia tidak dikemukakan di mahkamah. Laporan itu boleh

menunjukkan orang lain yang mungkin ada akses kepada dadah itu. Kes-kes *PP v. Lin Lian Chen* [1992] 4 CLJ 2086; [1992] 1 CLJ (Rep) 285 dan *PP v. Majiddi Abdul Majid* [2002] 1 LNS 336 dirujuk sebagai sandaran.

[10] Ditekankan juga bahawa elemen mental perlu wujud bersama jagaan atau kawalan bagi membuktikan pemilikan. Perbuatan melarikan diri tidak boleh ditafsir bersendirian tetapi perlu diambil kira suasana bila ia berlaku. Kereta ditahan di SJR yang boleh nampak dari jauh oleh itu hujahnya jika Ibrahim tahu dadah ada di dalam kereta itu mereka boleh mengelak daripada melaluinya kerana tiada apa yang menyekat mereka daripada berpatah balik. Namun kemungkinan itu tidak disentuh. YA Hakim bicara juga dikatakan lupa kepada inferens-inferens lain yang juga boleh dirumus daripada tindakan melarikan diri.

[11] Mengenai s. 34 Kanun Tatacara Jenayah dihujahkan tiada keterangan selain mereka berada di dalam kereta itu yang boleh menunjukkan hubungan antara mereka.

[12] Bagi pihak Azhar peguamnya En. Athimulan menerima pakai hujah rakannya dan menambah bahawa Zainuddin patut dipanggil sebagai saksi kerana pernyataanya dirakam oleh SP5 tetapi pihak pendakwaan tidak cukup berusaha untuk memanggilnya sebagai saksi atau menawarkannya kepada pihak pembelaan. Mengenai isu cap jari dihujahkan SP5 mengaku cap jari diperolehi tetapi laporannya tidak dikemukakan. Dengan itu anggapan bertentangan di bawah s. 114(g) Akta Keterangan dihujahkan terpakai.

[13] Peguam seterusnya berhujah bahawa ini bukan kes di mana dadah dijumpai di tempat sulit yang dibina khas di dalam kereta tetapi ia hanya tersorok. Oleh itu penemuan tegas mengenai pemilikan perlu dibuat oleh hakim bicara sebelum anggapan mengedar di bawah s. 37(da) ADB boleh dicetuskan.

Penemuan Dan Inferens

[14] Penemuan fakta YA Hakim bicara mengenai kawalan dan jagaan adalah berasaskan keterangan-keterangan SP4 dan SP6 mengenai penemuan dadah itu di dalam kereta CAC 9439 yang tidak dipertikaikan atau dicabar melalui pemeriksaan balas. Tiada orang lain di dalam kereta itu selain Ibrahim dan Azhar semasa ditahan oleh SP4 di SJR. Sebagai pemandu kereta itu Azhar ternyata dengan sendirinya mempunyai kawalan dan jagaan ke atas apa-apa

barang yang dibawa didalamnya. YA Hakim bicara berhak membuat penemuan berasaskan fakta yang terbukti itu bahawa Ibrahim juga mempunyai kawalan dan jagaan fizikal bersama ke atas kereta itu pada hari berkenaan kerana kereta yang sama berada dalam jagaan dan kawalannya sebagai pemandu beberapa bulan sebelumnya di Kedah dan masih lagi ada dengannya di Kelantan. Dengan kereta itu ada bersamanya bagi tempoh yang begitu lama dan dengan kehadirannya bersama Azhar semasa ditahan dia pastinya tahu apa yang dibawa di dalam kereta itu. Tambahan pula mereka berada di tengah lebuhraya antara Kota Bharu dan Grik. Tidak silap hakim mengambil inferens bahawa mereka telah berada untuk beberapa waktu di dalam kereta itu sebelum ditangkap kerana mengikut keterangan, SJR terletak di kilometer 100 lebuhraya Kota Bharu-Grik. Mahkamah boleh mengambil notis kehakiman bahawa SJR terletak di tengah lebuhraya kerana mengikut SP4 dan SP6 kereta itu datang dari arah Jeli iaitu bandar terakhir di Kelantan sebelum sampai ke sempadan dengan Perak menghala ke Grik (di negeri Perak). Mereka juga cuba melarikan diri apabila SP4 menarik penyandar walaupun tidak melihat bungkusan yang tersorok di situ. Fakta-fakta ini adalah berbeza dengan kes *PP v. Lin Lian Chen* [1992] 4 CLJ 2086 yang dirujuk oleh pihak perayu di mana responden hanya dilihat memandu ketika ditahan dan tiada apa yang dibuktikan yang boleh menimbulkan syak yang dia mempunyai pengetahuan tentang dadah di dalam kereta yang dipandu.

[15] Ketiadaan Zainuddin tidak menjejaskan kes pendakwaan kerana dia tidak ada bersama perayu-perayu di dalam kereta atau di mana-mana di tempat kejadian. Keterangannya tidak diperlukan bagi membuktikan kes pendakwa yang berasaskan pemilikan atau kawalan ke atas dadah yang dijumpai di dalam kereta itu semasa ditahan. Oleh itu anggapan bertentangan di bawah s. 114(g) Akta Keterangan tidak terpakai. Nama Zainuddin hanya timbul semasa siasatan oleh SP5 dan dalam keterangannya di mahkamah. Walaupun dia merupakan tuan punya berdaftar terakhir kereta CAC 9439, kereta itu tidak berada dalam milik, jagaan atau kawalannya pada hari berkenaan.

[16] Mengenai pengetahuan, YA Hakim mendapatinya terbukti melalui inferens daripada perbuatan perayu-perayu dan keadaan sekeliling. Khususnya perlakuan mereka melarikan diri dalam keadaan yang dinyatakan di atas. Perlakuan mereka menunjukkan mereka mempunyai pengetahuan tentang kewujudan dadah itu di

belakang penyandar tempat duduk belakang kereta yang mereka naiki. Mereka berpeluang tetapi tidak mengelak daripada melalui SJR walaupun mereka tahu Azhar yang memandu kereta itu tidak mempunyai lesen memandu. Mereka tidak lari semasa SP4 memeriksa di dalam boot kereta atau semasa SP4 memeriksa di tempat pemandu dan penumpang di sebelahnya. Mereka juga tidak lari semasa SP4 masuk ke dalam kereta. Tetapi, mereka serentak lari sebaik sahaja SP4 menarik penyandar tempat duduk belakang kereta. SP4 tidak mengumumkan penemuan dadah berkenaan. Keadaan ini berbeza dengan kes *Abdullah Zawawi v. PP* [1993] 3 MLJ 1 yang melibatkan penggeledahan rumah di mana terdapat kemungkinan ada orang lain yang juga mempunyai akses ke rumah di mana dadah dijumpai. Penekanan diberi kepada perlakuan kedua-dua perayu melarikan diri sebelum pun dadah tersebut terdedah kepada penglihatan mereka yang jelas menunjukkan mereka memang tahu bahawa SP4 pasti akan menjumpai dadah yang tersembunyi di belakang penyandar apabila menariknya.

[17] Niat bersama juga telah terbukti berasaskan keterangan dan inferens yang dinyatakan sebelum ini.

[18] YA Hakim bicara dalam penghakimannya juga menyentuh mengenai kesan cap jari dan ketipan kuku dan berpendapat walaupun ia boleh menguatkan kes pendakwaan ketiadaannya tidak melemahkan kes dengan adanya keterangan lain yang mencukupi. Kami bersetuju. Tetapi mengenai kesan cap jari memang benar SP5 mengaku semasa disoal balas bahawa pendebuan ada dibuat untuk mengesan cap jari tetapi dia tidak ditanya sama ada ada cap jari yang berjaya dikesan dan analysis dijalankan ke atasnya. Oleh itu tiada asas bagi pemakaian anggapan s. 114(g) kerana laporan hanya boleh dikemukakan jika terdapat kesan cap jari dan analisis dibuat.

[19] Penilaian keterangan kes pendakwaan jelas menunjukkan kes *prima facie* telah berjaya dibuktikan atas pertuduhan yang dihadapi oleh Ibrahim dan Azhar yang memerlukan penjelasan daripada mereka. Penelitian keterangan yang dikemukakan jelas menunjukkan YA Hakim bicara telah mengambil inferens yang betul dalam membuat penemuan bahawa dadah tersebut berada dalam milikan bersama sebenar Ibrahim dan Azhar tanpa pemakaian anggapan di bawah s. 37(d) ADB. Dengan berat dadah itu melebihi 200 gram (cannabis) anggapan mengedar dadah di bawah s. 37(da) telah tercetus dan perlu mereka patahkan. Sewajarnya pembelaan mereka

dipanggil. Dalam kes *PP v. Abdul Rahman Akif* [2007] 4 CLJ 337 yang faktanya hampir sama di mana hanya responden seorang berada di dalam kereta semasa ditahan, bungkusan-bungkusan berisi dadah dijumpai tersorok di bawah tempat duduk pemandu dan penumpang di sebelahnya dan kereta itu berada dalam milik responden melebihi 6 bulan sebelum itu, Mahkamah Persekutuan telah memutuskan kehadiran bungkusan-bungkusan di dalam kereta tanpa penjelasan yang wajar telah menimbulkan inferens yang kuat bahawa responden mengetahui bungkusan-bungkusan itu mengandungi dadah atau benda yang sama sepertinya.

[20] Pada hakikatnya kes *prima facie* telah juga dibuktikan terhadap perayu-perayu melalui keterangan langsung dengan menggunakan pendekatan maksud (purposive approach) seperti dijelaskan oleh Majlis Privi dalam kes *Ong Ah Chuan v. PP & Another Appeal* [1980] 1 LNS 181 atau dengan pemakaian anggapan pengetahuan di bawah s. 37(d) ADB.

[21] Seksyen 2 ADB memberi takrif mengedar sebagai termasuk perbuatan antara lain mengangkut (transporting) dadah berbahaya. Lord Diplock dalam kes *Ong Ah Chuan (supra)* mentafsirkan perkataan tersebut seperti berikut:

> ... transport is not used in the sense of mere conveying or carrying or moving from one place to another but in the sense of doing so to promote for distribution of the drugs to another ...
>
> So, simply to transport from one place to another for ones's own consumption ... does not amount to an offence of trafficking ... It is otherwise, however if the transporter's purpose, whether achieved or not, is to part with possession of the drug or any portion of it to some other person ...
>
> Thus, in the case of an accused caught in the act of conveying from one place to another controlled drugs in a quantity much larger than is likely to be needed for his own consumption the inference that he was transporting them for the purpose of trafficking in them would, in the absence of any plausible explanation by him, be irresistible - even if there were no statutory presumption such as contained in section 15 of the Drugs Act (equipollent to our section 37(da)) ...

[22] Berdasarkan keterangan yang tidak dicabar Ibrahim dan Azhar telah dibuktikan bersama sedang mengangkut dadah itu yang daripada jumlahnya (98,499.68 gram) bukan untuk kegunaan sendiri sewaktu ditahan ketika dalam perjalanan mereka di tengah lebuhraya

A antara Kota Bharu dan Grik. Pengetahuan mereka tentang kewujudan dadah itu di dalam kereta yang dinaiki terbukti sama ada melalui inferens seperti diterangkan sebelum ini atau melalui anggapan di bawah s. 37(d) ADB. Oleh itu kes mengedaran dadah itu juga terbukti tanpa menggunakan anggapan mengedar di bawah
B s. 37(da) ADB. Penjelasan mereka perlu untuk mematahkan inferens mengedar yang ditakrif mahupun anggapan pengetahuan di bawah s. 37(d) itu.

Pembelaan

C **[23]** Dalam keterangan bersumpahnya Azhar mengatakan yang dia berada di rumah Ibrahim di Pasir Mas, Kelantan pada 8 November 1999 apabila mereka didatangi oleh seorang yang Ibrahim perkenalkan kepadanya sebagai Zainuddin. Zainuddin mengajak Ibrahim memandu keretanya dan Ibrahim mengajaknya ikut sama.
D Mereka menaiki kereta yang dipandu oleh Zainuddin dan singgah minum di Bukit Bunga. Sedang mereka minum sebuah kereta Proton Saga putih telah berhenti di situ dan pemandunya keluar berjumpa dan bercakap sesuatu dengan Zainuddin beberapa jarak daripada mereka. Zainuddin datang semula kepada mereka dan
E menyuruh Ibrahim membawa keretanya ke Grik di mana dia akan menunggu kerana ada pembeli yang hendak membeli kereta itu. Ibrahim menyuruh Azhar memandu kereta itu dan dia membawanya menghala ke Grik sebagaimana diarah.

F **[24]** Azhar nampak SJR dari jauh. Apabila mereka berada lebih kurang 35 meter dari SJR kereta Proton Saga putih tadi telah memotong mereka dan terus ke SJR di mana ia berhenti dan seseorang bercakap dengan polis di situ. Apabila mereka sampai di SJR kemudiannya pegawai polis yang bertugas telah mengarah kereta
G mereka berhenti di tepi jalan. Azhar yang tidak memiliki lesen memandu telah menyerahkan kad pengenalannya apabila diminta. Dia membuka boot kereta untuk pemeriksaan polis, tetapi tiada apa-apa di situ. Polis kemudian mengarah Ibrahim keluar daripada kereta dan memeriksa bahagian hadapan kereta tetapi tiada jumpa
H apa-apa. Pegawai polis itu kemudian masuk ke bahagian penumpang belakang kereta itu. Ketika itu Azhar mendakwa terdengar bunyi sesuatu dari dalam kereta dan pegawai itu berkata "Oh ada ganja." Dia berasa takut dan mengambil keputusan untuk melarikan diri supaya tidak dilibatkan dengan hal itu sedangkan dia hanya disuruh
I memandu kereta itu. Polis telah mengejar dan menangkapnya.

[25] Azhar menafikan yang dadah di dalam kereta itu adalah miliknya, dan dia mengedarnya seperti pertuduhan. Dia juga menafikan yang dia melarikan diri sebab tahu ada ganja di belakang tempat duduk penumpang.

[26] Pembelaan Ibrahim hampir sama dengan Azhar. Ibrahim mendakwa Zainuddin datang ke rumahnya untuk mengajaknya pergi jual kereta dan dia mengajak Azhar pergi bersama. Zainuddin yang mengarahnya memandu keretanya ke Grik dan dia suruh Azahar. Kereta Proton Saga putih telah memotong mereka sebelum sampai di SJR dan dia nampak Zainuddin bercakap dengan polis di situ kemudian terus pergi. Di SJR Azhar memberitahu polis yang dia tiada lesen memandu. Selepas polis memeriksa boot kereta bersama Azhar, dia pula disuruh keluar untuk pemeriksaan di dalam kereta di bahagiannya. Polis kemudian memeriksa di bahagian penumpang belakang kereta dan ada bunyi kusyen ditarik naik dan penyandarnya dibuka mendedahkan ganja. Azhar dikatakan telah lari tetapi dia yang masih di situ disuruh duduk dekat pondok. Setelah Azhar ditangkap dia dibawa bersamanya ke Pejabat Bukit Bunga.

[27] Ibrahim mengaku pernah disaman polis pada 14 Mei 1999 sewaktu memandu kereta CAC 9439 kepunyaan Zainuddin tetapi mendakwa Zainuddin ada bersamanya ketika itu kerana mereka pergi jual kereta. Ibrahim menafi memiliki dadah itu atau mengedarnya. Dia juga menafikan yang kereta itu berada dalam kawalannya dari 14 Mei 1999 hingga 8 November 1999 dan dia tahu dadah itu ada di dalamnya pada 8 Novmber 1999.

Hujah Rayuan

[28] Dihujahkan bahawa dadah itu dijumpai tersorok di belakang penyandar tempat duduk belakang kereta oleh itu tidak boleh dilihat oleh sesiapa yang menaiki kereta itu. Beban terletak kepada pendakwa untuk menunjukkan bagaimana ia boleh berada di situ. Atas sebab itu dihujahkan penjelasan Zainuddin diperlukan kerana dia tuanpunya kereta itu. Dihujahkan tanpa keterangan atau pernyataan Zainuddin, Hakim bicara silap menyatakan kehadiran Zainuddin hanyalah 'afterthought'. Dengan itu hakim bicara dikatakan telah meletak ke atas pembelaan beban yang lebih tinggi daripada menimbulkan keraguan yang munasabah, sedangkan SP5 boleh dipanggil semula untuk mengemukakan pernyataan Zainuddin kepada polis untuk menjelaskan yang mana tidak dibuat. Kedua-dua

peguam menyarankan sebagai alternatif bahawa perayu-perayu boleh disabitkan atas kesalahan memiliki dadah dengan menggunakan anggapan pengetahuan di bawah s. 37(d) ADB.

Keputusan

[29] Dalam membuat pertimbangan di akhir perbicaraan hakim bicara sedar bahawa dia perlu menilai semua keterangan yang dikemukakan dan menentukan sama ada pendakwa berjaya membuktikan kesnya dengan melampau keraguan munasabah. Pihak pembelaan hanya perlu menimbulkan satu keraguan yang munasabah tentang kebenaran kes pendakwaan. Beliau juga mengambil panduan daripada rumusan Mahkamah Agong dalam kes *Mohamad Radhi Yaakob v. PP* [1991] 3 CLJ 2073; [1991] 1 CLJ (Rep) 311 bahawa walaupun seorang hakim tidak menerima atau mempercayai penjelasan tertuduh, dia masih tidak boleh disabitkan sehingga mahkamah berpuas hati atas alasan-alasan yang mencukupi bahawa penjelasan itu tidak menimbulkan keraguan ke atas kes pendakwaan, walau betapa lemah pembelaan itu dan walaupun dia tidak mempercayai kebenaran itu. (lihat kes *Ganapthy Rengasamy v. PP* [1998] 2 CLJ 1.

[30] Setelah meneliti keseluruhan keterangan, hakim bicara membuat penemuan menolak pembelaan perayu-perayu bahawa dadah itu tidak berada dalam milik mereka dan mereka tidak tahu tentang kewujudannya di situ memandangkan kereta CAC 9439 itu hanya ditinggalkan dengan mereka oleh Zainuddin pada pagi itu untuk dibawa ke Grik. Kemunculan Zainuddin dan rakannya adalah suatu afterthought kerana hanya ditimbulkan semasa pembelaan. Cara dadah itu disorok di dalam kereta dan tindakan perayu-perayu lari serentak ke arah bertentangan apabila dadah itu dikesan oleh SP4 menunjukkan mereka mengetahui tentang kesalahan mereka. YA itu juga mendapati pembelaan perayu-perayu pada keseluruhan gagal, atas imbangan kebarangkalian, mematahkan anggapan di bawah s. 37(da)(vi) ADB yang mereka mengedar dadah itu dan juga gagal menimbulkan apa-apa keraguan terhadap kes pendakwaan.

[31] Kami berpuas hati dalam membuat penemuan itu YA tidak melakukan apa-apa salah arah atau salah nilai fakta. Peranan Zainuddin dan kewujudan kereta Proton Saga putih pada hari berkenaan hanya ditimbulkan buat pertama kali semasa pembelaan. Penolakan pembelaan telah dibuat atas asas yang teguh dan tidak wajar digugat.

[32] YA Hakim bicara telah menyatakan kenapa beliau menolak pembelaan perayu-perayu yang mereka telah diperangkap oleh Zainuddin, alasan-alasan yang nyata berasaskan kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam keterangan pembelaan itu sendiri selain kegagalan mencabar keterangan saksi-saksi pendakwa yang tidak konsisten dengan versi pembelaan. Kami tidak nampak jalan yang boleh mempertikai ketepatan penemuan fakta serta inferens yang telah dibuat. Pertimbangan juga perlu mengambilkira anggapan mengedar dadah itu yang perlu dipatahkan dengan pembelaan atas kebarangkalian yang munasabah.

[33] Keperluan penjelasan Zainuddin lagi dihujahkan oleh pihak perayu. Oleh kerana kereta itu kepunyaannya dia boleh menerangkan bagaimana kereta berada dengan perayu-perayu dan kemunculannya bukan sekadar 'afterthought'. Dihujahkan dengan pembelaan yang dadah itu kepunyaan Zainuddin, dia perlu dipanggil kerana pernyataannya dirakam. Bagi kami kes pendakwa adalah berasaskan kawalan dan jagaan bersama Azhar dan Ibrahim ke atas dadah itu dan tidak dicabar yang hanya mereka ada di dalam kereta itu semasa ditahan oleh SP4 di SJR. Sama ada kereta atau dadah yang dijumpai di dalamnya adalah kepunyaan Zainuddin tidak menjadi isu. Yang menjadi isu ialah sama ada perayu-perayu mempunyai pengetahuan mengenai dadah itu sebelum dan semasa mereka ditahan di SJR. Oleh itu Zainuddin bukan saksi penting dan tidak diperlukan bagi pembuktian kes pendakwa. Seksyen 114(g) tidak berkaitan. Lagipun usaha untuk mengesannya gagal dengan itu tiada penindasan keterangan oleh pihak pendakwa. Sebenarnya perayu-perayu tidak pernah dalam pembelaannya menyatakan yang dadah itu adalah kepunyaan Zainuddin. Penglibatan Zainuddin dalam kes ini hanya dibangkitkan oleh perayu-perayu dalam pembelaan mereka. Atas asas itu Hakim bicara tidak silap menganggap kemunculannya sebagai 'afterthought' sedangkan pihak pembelaan berpeluang menyarankan pembelaan itu dalam pemeriksaan balas SP4, SP5, SP6 dan juga SP3 tetapi tidak dimanfaatkan.

[34] Lagipun penglibatan Zainuddin merupakan sebahagian kes pembelaan, oleh itu terpulang kepada mereka untuk mengemukakan apa-apa keterangan yang boleh menyokongnya atau yang boleh menerangkan bagaimana kereta atau dadah itu boleh berada dengan mereka. Pernyataan Zainuddin yang dirakam oleh SP5 mungkin boleh membantu tetapi tidak dikemukakan. Beban terletak di bahu mereka untuk mematahkan anggapan mengedar seperti diputuskan

A apabila pembelaan dipanggil. Apa pun jua penemuan afirmatif telah dibuat oleh Hakim bicara bahawa dadah itu berada dalam milikan bersama perayu-perayu pada masa, tarikh dan tempat yang dinyatakan oleh pendakwa dan dengan berat dadah itu melebihi had yang ditetapkan oleh s. 37(da)(vi) ADB anggapan mengedar telah
B dicetuskan yang mana gagal dipatah oleh pembelaan perayu-perayu yang telah ditolak atas imbangan kebarangkalian dan juga didapati tidak menimbulkan keraguan munasabah ke atas kes pendakwaan terhadap mereka.

C **[35]** Akhirnya seperti hujah alternatif pihak pendakwaan, dengan penemuan kawalan dan jagaan bersama perayu-perayu ke atas dadah dalam kereta yang dinaiki yang didapati membawa inferens dadah itu berada dalam milikan mereka dan juga boleh mencetuskan anggap pengetahuan mengenainya di bawah s. 37(d) ADB serta pengakuan
D perayu-perayu sendiri yang mereka sedang membawa kereta itu (dengan dadah itu di dalamnya) dari Bukit Bunga di Kelantan ke Grik di Perak pertuduhan telah terbukti terhadap mereka dengan penolakan pembelaan yang dikemukakan.

E **[36]** Atas sebab-sebab yang dinyatakan rayuan kedua-dua perayu ditolak dan sabitan serta hukuman dikekalkan.

F

G

H

I